

26 JUN 1999

Kelantan-air

KELANTAN PALING MUNDUR DALAM PROGRAM BEKALAN AIR

JELI, 26 Jun (Bernama) -- Kelantan merupakan negeri yang paling mundur dalam program pembangunan bekalan air bagi rakyat di negara ini dengan hanya 65 peratus daripada sejumlah 1.4 juta penduduknya menikmati bekalan air bersih untuk kegunaan harian.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata berbanding negeri-negeri lain yang kebanyakannya telah mencapai antara 90 dan 99 peratus penduduk yang menikmati bekalan air bersih dan sempurna, Kelantan jauh ketinggalan.

"Daripada maklumat dan statistik Kementerian, Kelantan adalah negeri yang mengalami krisis terburuk membabitkan bekalan air bersih," katanya kepada pemberita selepas perasmian Hari Terbuka Klinik Kesihatan Jeli di sini hari ini.

Hari terbuka itu dirasmikan oleh Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed yang juga Anggota Parlimen kawasan Jeli.

Menurutnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, kementerian itu memperuntukan sebanyak RM12 juta bagi membantu rakyat Kelantan mendapat bekalan air bersih melalui sumber asli seperti pembinaan telaga dan bekalan air gunung.

Kelantan mengalami krisis bekalan air sejak beberapa tahun lepas apabila banyak kawasan di negeri itu tidak mendapat bekalan air paip yang sedia ada ekoran daripada tekanan air rendah dan sistem paip yang uzur.

Sementara itu, Mustapa berkata setakat ini kementeriannya belum menerima sebarang cadangan daripada Kerajaan Kelantan mengenai pinjaman mudah RM600 juta daripada kerajaan pusat kepada kerajaan negeri itu bagi membangunkan bekalan air.

Menurutnya kementerian itu perlu mendapat maklumat lebih mendalam daripada kerajaan negeri berhubung cadangan membangunkan bekalan air negeri sebelum peruntukan itu disalurkan.

Pinjaman mudah RM600 juta itu telah diluluskan secara prinsipnya sejak tiga bulan lepas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada kerajaan negeri pimpinan Pas untuk membangunkan bekalan air di seluruh negeri itu.

Mustapa juga berkata kerajaan telah meluluskan pembinaan sebuah hospital desa bernilai RM5 juta bagi keperluan rakyat jajahan Jeli, menggantikan klinik kesihatan sedia ada.

Katanya perletakan batu asas bagi menandakan permulaan pembinaan projek hospital itu akan dibuat sebulan lagi.

Menurutnya hospital baru itu yang bersaiz kecil berbanding kawasan lain, apabila siap kelak mampu menampung keperluan penduduk setempat tanpa perlu lagi mendapat rawatan di hospital terdekat di Tanah Merah yang terletak kira-kira sejam dari sini.

"Apabila kegawatan ekonomi negara pulih kita akan bina hospital lain yang lebih besar untuk menampung kira-kira 45,000 penduduk Jeli," katanya.

-- BERNAMA

RAR LAT